

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARIPADA        :      DATUK HAJI HASANUDDIN BIN  
MOHD YUNUS [ HULU LANGAT ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan usaha Kementerian dalam menyelesaikan masalah sara hidup rakyat akibat pendapatan yang rendah dan juga peluang pekerjaan yang terhad.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, Kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif bagi menangani kos sara hidup rakyat antaranya adalah:

- (i)      Menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga.
- (ii)     Melaksanakan dan memanjangkan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)** pada musim perayaan utama;
- (iii)    Menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletakkan tanda harga atau senarai harga ke atas barang yang dijual;
- (iv)    Mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** untuk menyelesaikan aduan rakyat dengan **cepat dan pantas**;

- (v) Menjalankan **pemantauan harga barang keperluan asas di seluruh negara** di bawah **Program Pemantauan Harga** oleh **Pegawai Pemantau Harga Kementerian**;
- (vi) Meningkatkan kerjasama antara Kementerian dan pengguna sebagai ejen penyaluran dan sebaran maklumat kepenggunaan, terutama mengenai isu harga barang contohnya inisiatif **Rakan KPDNHEP**; dan
- (vii) Mempromosikan **medium interaktif** bagi memudahkan rakyat membuat perbandingan harga melalui aplikasi pintar **PriceCatcher** dan mengemukakan aduan melalui aplikasi **Ez Adu**.
- (viii) **Menghapuskan monopoli/kartel** bagi industri-industri yang boleh diliberalisasikan supaya wujudnya persaingan sihat yang membolehkan pengguna dapat membeli barang dengan harga yang lebih kompetitif. Di bawah KPDNHEP, perkara ini sedang diteliti oleh Suruhanjaya Persaingan (MyCC) untuk memastikan tiada pemain industri yang dominan dalam pasaran.
- (ix) KPDNHEP akan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi yang terlibat seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan SME Corp. untuk membangunkan lebih ramai usahawan kecil dan sederhana yang sekaligus akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan dan dapat meningkatkan pendapatan isi rumah bagi individu-individu yang terlibat dalam bidang keusahawanan.
- (x) KPDNHEP juga akan bekerjasama dengan agensi tertentu seperti MATRADE dan SME Corp. untuk memasarkan barang perusahaan kecil dan sederhana (PKS) ke peringkat antarabangsa supaya PKS dapat terus berdaya saing bukan sahaja di dalam negara tetapi dapat menembusi pasaran antarabangsa.
- (xi) Program Penyeragaman Harga turut diperkenalkan bagi membolehkan rakyat di kawasan pedalaman dan terpencil

**SOALAN NO : 312**

menikmati harga barang keperluan asas yang sama dengan kawasan bandar.

- (xii) Kerajaan juga mengambil inisiatif dalam menambahbaik pendapatan boleh guna rakyat melalui pelbagai inisiatif mengurangkan kos sara hidup rakyat melalui pelbagai bantuan-bantuan tunai dan subsidi Kerajaan seperti Bantuan Sara Hidup serta subsidi pengangkutan seperti Pas My100 dan My50.
- (xiii) KPDNHEP turut bekerjasama dengan Kementerian berkaitan seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam memastikan harga barang makanan yang stabil melalui bekalan yang mencukupi.

Sekian, terima kasih.